

Markah '3B' untuk pentadbiran Mukhriz di Kedah

LANGGAR: Pesuruhjaya PAS Kedah, Dato' Mahfuz Omar memberikan markah '3B' kepada kerajaan Kedah di bawah pementintahan BN dengan Dato' Mukhriz Mahathir sebagai Menteri Besar.

"3B yang saya maksudkan ialah, 'Blur' iaitu kabur, 'Blind' maksudnya buta dan 'Blank' bermakna kosong. "Mukhriz terlalu lemah mentadbir Kedah sekarang walaupun sudah genap se-

tahun namun, masih gagal melaksanakan program-program pembangunan malah ada juga tidak dapat diturus dengan baik," kata beliau pada sidang media yang diadakan 6 Mei lalu.

Sidang media di Markas PAS Pokok Sena di sini sempena genap setahun Kedah di bawah pementintahan BN. Menurut Mahfuz, antara kegagalan BN Kedah ialah dalam menguruskan Kolej

Universiti Insaniah (KUIIN) dengan baik walaupun sudah mempunyai kampus tetap dan segala kemudahan yang ditinggalkan oleh kerajaan Pakatan Rakyat sebelum ini.

Namun katanya, apabila BN mengambil-alih, para pelajar dan tenaga pengajar diarahkan berpindah-randah sehinggalah menimbulkannya pelbagai kesulitan kepada semua pihak.

"Bukan itu sahaja, kakitangan Insaniah Holdings juga tidak dibayar gaji, status mereka tidak menentu serta hak mereka dimafikan lebih-lebih lagi ketika menjelang Aidilfitri yang lalu," jelasnya.

Sambungannya lagi, walaupun Mukhriz cuba membawa budaya berselawat di Kedah, program seumpamanya itu telahpun dimulakan sejak pementintahan Pakatan Rakyat dahulu dan ianya lebih kepada retorik untuk memenangi hati golongan ustaz dan ulama di Kedah.

"Realitinya, dalam masa yang sama beliau membenarkan penyanyi separa bogel K-Pop yang dibawa masuk dari Korea membuat persembahan di Konsert

EUPE di Sungai Petani.

"Dalam soal kebajikan rakyat juga, Skim Kafalah yang diperkenalkan oleh kerajaan dahulu dibatalkan sedangkan skim itu bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah bila ahli keluarga mereka meninggal dunia, tetapi kerajaan Kedah sanggup 'ber-sedekah' sebanyak RM200 ribu untuk program Raja Lawak.

"Walaupun kononnya diwujudkan skim khairat kematian untuk mengangan-tikan skim kafalah, tetapi jumlah yang diberi hanya sekitar RM280, dan sum-bangan ini kepada semua tidak kira miskin atau kaya walhalnya kita dahulu mengeluarkan RM500 untuk setiap kematian dan mem-bkuskan kepada golongan sasaran berpendapatan rendah," jelas Mahfuz lagi.

Dalam masa yang sama Mahfuz mendakwa kerajaan BN Kedah juga gagal menyelamatkan kawasan tanah sawah apabila meng-umumkan Projek Zon Industri Petroleum Yan (ZIPY) akan diteruskan di Yan dan di-jangka akan mengorban-kan tanah sawah yang luas.

"Sedangkan semasa pementintahan Pakatan Rakyat dahulu, Projek ZIPY yang ditukarkan kepada Sungai Limau Hydrocarbon Hub (SULIH) hanya akan diteruskan di kawasan laut dan tidak melibatkan tanah sawah rakyat.

"Kalau mereka nak berbangga dengan Projek ZIPY, mereka kena ingat projek itu telah pun dirancang sebelum 2008 lagi dan mereka hanya menyambung per-laksanaannya sahaja dan bukannya dari hasil peme-rintahannya dalam se-

"Sepatutnya dalam setahun ini sahaja, Mukhriz yang sudah tiga kali ke London tentulah dapat membawa balik hasil untuk Kedah, tapi apa yang kita semua dapat lihat, Kedah sekarang hanya mampu menyumbang 30 peratus bekalan beras negara ber-banding semasa pemin-tahan Pakatan Rakyat di mana Kedah menyumbang sebanyak 44 peratus.

"Ini pula, bila Projek ZIPY nak diteruskan, akan melibatkan sebahagian ka-wasan tanah sawah di Yan, sedangkan kawasan itu amat terkenal dengan ke-

suburan dalam menghasilkan padi. Macam mana sa-ya tak kata *blur, blind* dan *blank*," kata Mahfuz lagi.

Selain itu, Mukhriz juga dikatakan gagal bercakap benar dalam isu pembelian kereta baharu untuk Menteri Besar Kedah baru-baru ini di mana beliau menge-luarkan kenyataan konon-nya kereta tersebut untuk kegunaan Yang di-Pertuan Agong padahal nombor pen-daftarannya secara terang-terangan tertera perkataan "Menjeri Besar Kedah".

"Kenapa Mukhriz ha-rus berbohong sedangkan duit yang dia gunakan itu adalah duit rakyat. Kalau beliau berani buat berani-lah tanggung semuannya.

"Begitu juga dalam hal kereta rasmi Exco daripada Toyota Camry ditukar kepada Proton Perdana walhal Camry itu baharu sahaja ditukar kerana kereta yang sebelum itu terlalu uzur.

"Maknanya mereka sanggup mengeluarkan wang yang banyak demi kepuasan nafsu mereka sendiri tetapi untuk kebajir-kan rakyat seperti Skim Ka-nya lagi.